



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 () 04/10

BELANJAWAN 2025: MINDEF MENUMPUKAN USAHA DALAM MEMPERKUKUHKAN KESEJAHTERAAN WARGA PERTAHANAN

KUALA LUMPUR, 19 OKTOBER 2024 - Kementerian Pertahanan telah menerima peruntukan sebanyak **RM21.13 bilion bagi tahun 2025** yang mana peruntukan tersebut meningkat kira-kira **7.08 peratus** berbanding peruntukan tahun 2024 iaitu sebanyak **RM19.7 bilion**. Daripada jumlah tersebut, **RM13.64 billion** adalah untuk **Peruntukan Mengurus (OE)**. Manakala **RM7.49 billion** adalah bagi **Peruntukan Pembangunan (DE)**.

Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berbesar hati dan berterima kasih kepada YAB Perdana Menteri atas pengumuman belanjawan pada 18 Oktober 2024 dan menyambut baik Belanjawan MADANI Ketiga ini.

Kementerian Pertahanan akan memperkemaskan lagi inisiatif seiring dengan fokus belanjawan tahun 2025 dalam memastikan kesejahteraan warga pertahanan di tahap tertinggi, merencanakan kesiapsiagaan ketenteraan, mengukuhkan keselamatan persempadanan negara, meningkatkan hubungan pertahanan antarabangsa dan memangkin semangat patriotisme sebagai benteng pertahanan terbaik negara.

Keutamaan Kementerian Pertahanan melalui belanjawan 2025 adalah seperti berikut:

- 1. KESEJAHTERAAN WARGA PERTAHANAN.**
 - a. **Menyelenggara sekolah dalam kem tentera** di bawah Ikhtiar Pendidikan Arus Perdana bagi memastikan ruang pembelajaran yang selesa, selamat dan bermakna untuk anak-anak warga pertahanan menimba ilmu.
 - b. **Penambahan pencapaian internet di kem tentera** melalui dana di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).
 - c. **Membina, menyelenggara dan membaik pulih Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT).**
 - d. **Memperkasa perlindungan sosial anggota tentera** melalui Skim Ex-Gratia Bencana Kerja melibatkan faedah Ex-Gratia Operasi dan faedah Ex-Gratia Pukal.

- e. Memperkasakan kesejahteraan warga veteran ATM melalui;
- **Manfaat peluang pekerjaan melalui Program Baharu Protege – Veteran ATM** dengan mewajibkan kontraktor menyediakan peluang pekerjaan untuk veteran ATM, terutamanya yang punya kelayakan TVET.
 - **Pelarasan pencen pesara ATM secara berfasa melalui SSPA berdasarkan pelarasan peratusan ke atas gaji akhir pesara mengikut kumpulan perkhidmatan masing-masing termasuk pesara ATM.**
 - **Kadar Bantuan Sara Hidup (BSH) dinaikkan kepada RM500 sebulan** berbanding RM300 pada masa kini, berdasarkan pendapatan garis kemiskinan (PGK).
 - **Melanjutkan bayaran Penghargaan Khas Kepada Pesara** dan penerima pencen terbitan mulai Januari hingga Disember 2025.
 - **Peningkatan lantikan Renjer Komuniti melibatkan veteran beruniform** dalam membenteng kawasan hutan simpan kekal.

2. **KESIAPSIAGAAN KETENTERAAN DAN PERTAHANAN SEMPADANAN NEGARA.**

- a. **RM5.8 bilion** dikhususkan untuk **kerja-kerja senggara** dan **pembaikan** serta **perolehan aset-aset ketenteraan baharu.**
- b. Membina **dua pos sempadan baharu** di Bantul dan Serudung, Sabah.
- c. Memperkuatkannya dengan **teknologi dron** dan **AI** untuk meningkatkan capaian kawasan boleh diawasi.

3. **HUBUNGAN PERTAHANAN ANTARABANGSA.**

- a. **Kepengerusian ASEAN-MALAYSIA 2025** akan **memperkuatkannya** kerjasama pertahanan terutamanya melibatkan isu-isu kuasa besar termasuk isu Laut China Selatan dan krisis Myanmar selain memperkuatkannya kerjasama ekonomi serantau menerusi penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN-GCC + China buat julung kalinya.
- b. Membangun industri ketenteraan tempatan melalui **pemindahan teknologi daripada pembekal aset ketenteraan** dan **menggalakkan pemain industri tempatan menembusi pasaran eksport.**

c. **Anugerah Perkhidmatan Awam MADANI kepada petugas Pasukan MALBATT** yang menyumbang tenaga dalam misi di Lubnan dengan pencapaian SMART yang diktiraf sebagai pasukan khas kedua terbaik di Asia Tenggara oleh PBB.

4. **PATRIOTISME SEBAGAI BENTENG PERTAHANAN NEGARA.**

a. **Peruntukan RM50 juta bagi Program Latihan Khidmat Negara 3.0** yang akan dimulakan secara rintis dengan konsep baharu.

Belanjawan 2025 Kementerian Pertahanan semestinya akan menyuntik iltizam dan semangat Warga Pertahanan untuk sentiasa mempertingkat kesiapsiagaan demi kedaulatan tanah air Malaysia. Kementerian Pertahanan dan ATM akan berusaha sedaya upaya agar peruntukan Bajet 2025 dimanfaatkan dengan telus, berhemah serta berintegriti demi sebuah negara yang selamat, berdaulat dan makmur.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia

19 Oktober 2024